



Headline: Bila nak sedar? Duit bank 'disapu' tinggal RM102.50
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 7 August 2020

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 2



Duit bank 'disapu' tinggal RM102.50

Seremban: Baki akaun seorang eksekutif wanita berusia 39 tahun hanya tinggal RM102.50 selepas simpanannya berjumlah RM419,012 disapu licin sindiket Macau Scam.

Semuanya bermula melalui satu panggilan telefon oleh Sarjan Azliza Ad Zaini daripada Balai Polis Trafik Seremban, yang menghubungi mangsa, jam 12 tengah hari pada 21 Mei lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan Superintendan Aibee Ab Ghani berkata, suspek mendakwa mangsa terbabit dalam kes kemalangan jalan raya di Seri Kembangan, Selangor sebelum mangsa kemalangan terbabit meninggal dunia pada 18 Mei lalu.

"Mangsa menafikannya sebelum panggilan disambung kepada Inspektor Chong Kok Sin yang mendakwa mangsa turut terbabit dengan pengubahan wang haram berjumlah RM23 juta di Sabah," katanya.

Menurut Aibee, mangsa kemudian diminta membuka akaun bank baharu.

Mangsa kemudian melakukan 12 transaksi bermula 22 Mei hingga 25 Jun lalu ke akaun berkenaan dengan jumlah keseluruhan RM419,012.

"Pada 5 Ogos lalu, mangsa ke bank berkenaan untuk melakukan semakan namun mendapati akaun

berkenaan hanya berbaki RM102.50.

"Mangsa kemudian membuat laporan polis dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya.



"Mangsa ke bank melakukan semakan namun mendapati akaun berkenaan hanya berbaki RM102.50"

Aibee

